



KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK
KE ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH BAGI TEMPOH KONTRAK MULAI
1 MEI 2018 HINGGA 30 APRIL 2020

- Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang Bekalan/ Perkhidmatan di bawah Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah dan berkuatkuasa.
- Tender ini adalah bagi asrama sekolah-sekolah seperti Jadual di bawah:

BIL.	KOD TENDER	NAMA SEKOLAH	DAERAH	BIL. PELAJAR	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	PEMBELIAN DOKUMEN	LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
1	JP(SB)300/UBKP/2018/TDR-001	SMK SIMPANGAN	BELURAN	425	Tarikh : 22 Mac 2018 (Khamis)	Tarikh : 23 Mac 2018 (Jumaat) hingga 28 Mac 2018 (Rabu)	Tarikh : 23 Mac 2018 (Jumaat) hingga 28 Mac 2018 (Rabu)	Tarikh : 12 April 2018 (Khamis)
2	JP(SB)300/UBKP/2018/TDR-002	SMK SEPULOT	NABAWAN	500	Pendaftaran : 8.30-10.00 pagi Masa Taklimat : 10.00 Pagi sehingga 12.00 Tengahari	Masa : 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi 2.00 Petang hingga 4.00 Petang	Masa : 8.30 Pagi hingga 12.00 Tengahari 2.00 Petang hingga 4.00 Petang	Masa : 12.00 Tengahari
3	JP(SB)300/UBKP/2018/TDR-003	SMK AGAMA TUN JUHAR	SANDAKAN	550	Tempat : SMK Agama Tun Juhar, Sandakan	Tempat : PPD BELURAN PPD NABAWAN PPD SANDAKAN	Tempat : 1. SMK Simpangan, Beluran 2. SMK Sepulot, Nabawan 3. SMK Agama Tun Juhar, Sandakan	Tempat : Peti Tawaran, Unit Perolehan, Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Aras 1, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Jalan Punai Tanah Likas, 88450 Kota Kinabalu, Sabah

- Petender-petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah menyerahkan Wang Kiriman/ Bank Draf bernilai **RM300.00** atas nama **Pengarah Pendidikan Negeri Sabah**, bagi pembelian setiap tender yang dipohon. Wang tunai, cek-cek persendirian tidak akan diterima. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
- Semasa Taklimat Tender dan pembelian Dokumen Tender, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) bagi dokumen-dokumen berikut:
 - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan dan masih berkuatkuasa;
 - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa; dan
 - Cop Syarikat
- Setiap petender yang hendak memasuki tender **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK**. Sejaras dengan arahan Kerajaan, 1Pekeiling Perbendaharaan: PK 2.1, Petender yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak MESTILAH terdiri daripada Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia. Sila bawa bersama Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia, Salinan Lesen Berniaga Borang B (Ordinan Perlesenan Perdagangan, 1948); bagi Syarikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik / Salinan Borang 49; dan Kad Pengenalan semasa menghadiri lawatan tapak. Syarikat yang telah menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan membeli satu Dokumen Tender bagi satu tawaran.
- Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul. Kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar beralamat seperti berikut:

DIKLANKAN PADA : 16 Mac 2018 (Jumaat)
DAILY EXPRESS
TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NEGERI : BERDASARKAN BORANG TENDER
DAERAH : BERDASARKAN BORANG TENDER
NAMA SEKOLAH : BERDASARKAN BORANG TENDER
KOD TENDER : BERDASARKAN BORANG TENDER

DIALAMATKAN KEPADA:
PETI TAWARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN & PEMBANGUNAN
UNIT PEROLEHAN
ARAS 1, WISMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH
JALAN PUNAT TANAH, LIKAS
88450 KOTA KINABALU SABAH,
MALAYSIA

- Tawaran tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender selawat-lewatnya pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari pada atau sebelum 12 April 2018 (Khamis).
- Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
 - Petender LEWAT mengemukakan tawaran tender; atau
 - Petender GAGAL mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender; atau
 - Petender GAGAL menghadiri taklimat tender; atau
 - Petender GAGAL menghadiri lawatan tapak.
- Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
- Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, <http://jpsabah.moe.gov.my>. Ralat terhadap maklumat iklan ini juga akan dimaklumkan menerusi laman web yang dinyatakan, sekiranya ada. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari laman web yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- Keputusan tender ini adalah MUKTAMAD dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.